

U177

U B284 BAH SIN
MAHATHIR - TAMBAK

JOHOR BAHRU, 28 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN TERTENTU UNTUK MEMPERBESARKAN TAMBAK JOHOR, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SINI HARI INI.

WALAUPUN ADA CAKAP-CAKAP MENGENAI PERKARA ITU SEBELUM INI, KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN TERTENTU MENGENAINYA, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MENEMUI PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL NEGERI DI ISTANA STULANG.

BANYAK PIHAK TERMASUK MENTERI BESAR JOHOR HAJI MUHYIDDIN YASSIN DAN ANGGOTA PARLIMEN JOHOR BAHRU DATUK SHAHRIR SAMAD PERNAH MERAYU KEPADA KERAJAAN PUSAT SUPAYA MENKAJI KEMUNGKINAN MEMPERBESARKAN TAMBAK JOHOR BAGI MENGATASI MASALAH KESESAKAN LALULINTAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional Berkata dalam perjumpaan itu beliau memberi penerangan mengenai ehwal semasa termasuk menjawab beberapa persoalan mengenai perkara dalaman UMNO.

BELIAU BERKATA BELIAU JUGA MENINJAU PERKEMBANGAN YANG BERLAKU DI JOHOR SELEPAS SELESAINYA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA APRIL LEPAS. -- LAGI.

1513MST 28 08 87

U GBBX 28-08 00149 BAH SIN
MAHATHIR - TAMBAK 2 JOHOR BAHRU

SEMENTARA ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH MENAMATKAN LAWATAN RASMI DUA HARI MEREKA KE JOHOR DENGAN MELAWAT KOMPLEKS BAS PELANCONG DI KOMPLEKS KASTAM TANJUNG PUTERI DI SINI.

DALAM TINJAUAN HAMPPIR SEJAM ITU, BELIAU DIBERI PENERANGAN MENGENAI OPERASI KOMPLEKS TERSEBUT OLEH PENGARAH IMIGRESEN NEGERI ENCIK ABU KASSIM SALLEH DAN PENGARAH KASTAM NEGERI ENCIK AHMAD PADZLI MOHYIDEEN.

PERDANA MENTERI MEMERHATI SENDIRI KEDATANGAN PARA PELANCONG, PEMERIKSAAN PASPORT DAN BARANG-BARANG YANG DIJALANKAN DI KOMPLEKS ITU.

BELIAU JUGA DIBAWA MELAWAT KE PUSAT PENERANGAN PELANCONG DI KOMPLEKS ITU YANG DISEDIAKAN OLEH PERBADANAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN (TDC).

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR HAJI MUHYIDDIN YASSIN, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT, KETUA PENGARAH UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN (ICU) ENCIK ZAINOL MAHMUD, PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI SERTA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN. -- BERNAMA.
1521MST 28 08 87